


KAJIAN TINDAKAN MEMACU TRANSFORMASI PdP

105 Kertas Kajian Tindakan Dibentang



Labuan, 25 Mei – Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah berjaya menganjurkan Kolokium Kajian Tindakan Peringkat Kebangsaan Siri 2 pada 21 dan 22 Mei lalu. Bertemakan **“Kajian Tindakan Memacu Transformasi PdP”**, kolokium secara atas talian ini telah berjaya menarik sebanyak 105 kertas pembentangan daripada warga guru seluruh negara.

Menurut Penolong Pengarah Sektor Perancangan, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, Puan Faridah Amit, kolokium ini adalah lanjutan daripada kolokium siri 1 yang telah diadakan pada 22 April lepas melibatkan semua warga guru dari seluruh negara.


“ Oleh kerana penyertaan yang sangat menggalakkan daripada para peserta, pihak urusetia telah menyediakan satu lagi platform perkongsian untuk memberi peluang

perkongsian amalan PdP dalam kalangan guru demi kepentingan bersama. Sebanyak 3 sesi telah dibuka dalam talian secara selari untuk membolehkan kesemua 105 kertas kajian dibentangkan dalam masa 2 hari tersebut". tambah beliau yang juga merupakan penyelaras kolokium.

Kejayaan penganjuran kolokium ini turut disokong oleh komitmen dan kerjasama padu oleh jurulatih-jurulatih Utama (JU) yang diketuai oleh Cik Suriani Alland Rice Oxley , pegawai SISC+ di Jabatan Pendidikan W.P Labuan.

" Saya sangat berpuashati kerana Teknik 12 Langkah ini telah berkembang ke seluruh negara. Ini adalah sumbangan ikhlas profesional saya sebagai tanda kebersamaan kita dalam tempoh negara sedang menghadapi pandemik Covid19"

" Saya berharap agar guru-guru telah mendapat manfaat daripada perkongsian ini dan terus mengamalkan kajian tindakan untuk meningkatkan potensi dan kualiti PdP dari semasa ke semasa" tambah beliau lagi yang juga merupakan pencipta kepada Teknik 12 Langkah.



The screenshot shows a YouTube live stream interface. The main video area displays a title card for a national-level colloquium on the 12-step technique. The title is "KOLOKIUM KAJIAN TINDAKAN TEKNIK 12 LANGKAH PERINGKAT KEBANGSAAN SIRI 3 TAHUN 2021". The host is identified as Norshamsila Saludin. The video content includes a presentation slide titled "PENGGUNAAN TEKNIK 'NYAHOOT' MENINGKATKAN PENGUSAHAAN GOLONGAN KATA BAHASA MELAYU KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM". The stream is currently live, with 357 viewers watching. A chat window on the right shows several viewer comments, including "WAWAN KAMALAHATI BIKINI I WAWAN ALI MORE GOOD LUCK shila dari smk Tunku Ampuan Durah" and "Siti Rahimah Idris". The YouTube interface includes a search bar, navigation icons, and a list of favorites on the left side.

Sesi pembentangan oleh para peserta kolokium secara dalam talian



Encik Yusup Mohamad (atas kiri), Pengarah Jabatan W.P Pendidikan Labuan sedang merasmikan kolokium Majlis penutupan kolokium telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Yusup Mohamad. Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terlibat yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan kolokium secara atas talian ini.

“Pendidikan pada waktu ini tidak terhad di dalam bilik darjah yang dikelilingi oleh 4 dinding semata-mata. Kita mesti sentiasa bersiapsiaga mengharungi cabaran dan perubahan di dalam dunia VUCA sekarang ini”


“Semua guru dan murid mesti melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran pendidikan digital yang telah menjadi teras penyampaian sistem pendidikan ketika ini. Ini selaras dengan tema sambutan hari guru tahun ini “Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu”, tambah beliau lagi.

Pengurus Program, Encik Mohd Nizam Yasim mengucapkan

terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengetua dan Guru Besar, semua petugas dan semua peserta atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan sepanjang kolokium ini berlangsung. Beliau yang juga Timbalan Pengarah Sektor Perancangan turut membayangkan Kolokium Kajian Tindakan Teknik 12 Langkah akan dilaksanakan lagi pada tahun akan datang atas sambutan yang di luar jangkaan tahun ini.

Penyiaran kolokium ini telah dibuat melalui dua saluran siaran langsung iaitu Facebook Live dan Youtube Live. Ketua Pasukan Penyiaran, Puan Shamsuria Ebni menyatakan setakat ini jumlah pengunjung yang telah mengikuti kolokium di saluran Youtube telah mencecah angka sebanyak 17,000 tontonan dan terus meningkat dari hari ke hari.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



Kolokium mendapat sambutan daripada peserta seluruh negara



Thubs Up : Encik Yusup mengucapkan tahniah kepada urusetia dan semua pihak yang terlibat menjayakan Kolokium Kajian Tindakan Kebangsaan